

# Dr M bidas media jadi alat Barat

S.H - 8 AUG 1993

(P)

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membidas media antarabangsa yang menjadi alat pihak tertentu di Barat untuk menghancurkan negara ini.

Menurutnya, media asing sengaja berniat jahat dengan melaporkan pelbagai maklumat yang tidak betul khususnya di bidang politik dan ekonomi semata-mata untuk melihat negara ini kucar-kacir.

Dr Mahathir mendedahkan ada majalah yang mendakwa sebagai majalah ekonomi sedangkan sebenarnya ia adalah majalah politik yang didalangi oleh pihak tertentu untuk memusnahkan ekonomi dan perpaduan rakyat Malaysia.

"Media asing selalunya mengkritik kita kerana kononnya mengongkong media dalam negara ini. Tetapi media asing dikuasai oleh mereka (Barat). Kita tiada hak langsung untuk berbuat demikian.

"Mereka buat laporan yang jahat. Mereka tidak pernah menghargai perkara yang baik tetapi hanya nampak perkara yang buruk saja yang ada pada kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung ke-40 MIC, di sini, semalam.

Menurutnya, negara ini boleh dijadikan sebagai pusat media antarabangsa dan membenarkan penerbitan bahan-bahannya di sini tetapi kerajaan tidak ada niat untuk mengawal mereka.

"Media antarabangsa

kesemuanya dikuasai atau dimiliki oleh Barat. Jika ada mana-mana pihak menerbitkan majalah baru, mereka akan membelinya. Oleh yang demikian, tidak ada satu pun media yang bebas daripada pengaruh Barat," katanya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berharap saluran agensi berita tempatan termasuk Bernama, dapat diperluas dan dipertingkatkan penggunaannya.

Dr Mahathir berkata,

Malaysia tidak mengharapkan pujian dalam laporan media asing tetapi memastikan laporan yang dibuat adalah benar.

"Contohnya, laporan dalam majalah ekonomi mengenai Malaysia tidak pernah baik. Pembaca yang kebanyakannya orang Barat, terkeliru dan tidak mengambil peluang yang ada di negara ini kerana mereka membaca laporan yang tidak tepat dan berniat jahat.

"Mereka (majalah) ber-

lagak sebagai majalah ekonomi tetapi mereka sebenarnya majalah politik," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, ada pihak tertentu di Barat yang tidak senang dan kecewa kerana Malaysia aman dan stabil serta dapat membangunkan negara dengan pesat.

"Mereka lebih suka kalau kita dilanda rusuhan kaum dan negara kucar-kacir serta tidak dapat dibangunkan. Dengan itu,

mereka dapat memuaskan keangkuhan nafsu mereka yang sentiasa berperasaan mereka adalah perkasa dan lebih tahu mengenai politik di mana-mana saja," katanya.

Perdana Menteri juga membidas pihak tertentu di Barat yang mengamalkan 'white superiority' dengan angkuh ketika menjajah negara ini tetapi sekarang berlagak sebagai orang yang bebas daripada perasaan perkauman dan cuba mengajar kita.